

Mendepani Cabaran Semasa Sektor Agrikomoditi

Sektor agrikomoditi yang terdiri daripada lapan komoditi utama, iaitu kelapa sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, biobahan api dan biojisim telah menjadi aktiviti ekonomi bagi sebahagian rakyat Malaysia sejak sekian lama. Kesemua sektor komoditi utama ini menyumbang kepada pembangunan kepada negara dengan penjana sumber pendapatan kepada hampir 1.3 juta pekebun kecil, sekali gus membuka

peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Hal ini merupakan tunjang utama bagi pertumbuhan ekonomi negara dan memainkan peranan yang cukup besar sehingga kini.

Sektor Agrikomoditi Malaysia
Di Malaysia, sektor agrikomoditi menyumbang sekitar lima peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan masih merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan eksport negara. Industri kelapa sawit, getah dan kayu-kayan

merupakan penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara daripada lapan komoditi utama negara. Umum mengetahui bahawa Malaysia adalah pengeluar dan pengeksport minyak kelapa sawit kedua terbesar dunia. Manakala, industri getah telah merekodkan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport sarung tangan getah terbesar di dunia. Industri kayu-kayan pula menyaksikan bahawa Malaysia sebagai pemain penting dalam pasaran kayu tropika dan produk kayu di samping merupakan antara pengeksport utama perabot kayu global.

Industri kelapa sawit Malaysia yang merupakan pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara dengan memberikan sumbangan ketara kepada pasaran minyak dan lemak global dieksport ke tujuh pasaran utama, iaitu India, China, Kesatuan Eropah, Turkiye, Kenya, Filipina dan Pakistan. Industri kelapa sawit negara menghasilkan minyak sawit;

minyak isirong sawit; sisa isirong sawit; oleokimia dan biodiesel. Daripada hasil industri kelapa sawit yang diekspor, minyak sawit adalah penyumbang terbesar dengan nilai eksport sebanyak RM62.45 bilion pada tahun 2023.

Bagi industri getah pula, hasil getah negara yang terdiri daripada getah sintetik; getah asli; getah kompaun; getah tebus guna; getah tidak ter Vulkan; dan getah sisa di eksport ke lima destinasi utama, iaitu China, Kesatuan Eropah, India, Thailand dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Manakala, bagi eksport produk getah yang terdiri daripada sarung tangan getah; tayar baharu; tiub, paip dan hos; benang lateks; wayar bertebat dan kabel; kasut dan produk lain diekspor ke Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun, China dan Singapura di samping negara lain dengan sarung tangan getah menyumbang sebanyak 68.9 peratus, bernilai RM10.28 bilion pada tahun 2023.

Industri kayu-kayan yang menghasilkan produk seperti kayu balak; kayu gergaji; papan lapis; venir; kayu kumai; kayu serpai; papan gentian; kayu tanggam; perabot kayu dan produk lain diekspor ke lima destinasi utama dunia, iaitu Amerika Syarikat, Jepun, China, Singapura dan Australia. Penyumbang tertinggi bagi produk kayu-kayan kepada nilai eksport industri ialah perabot kayu dengan jumlah RM6.51 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2023. Di samping itu, kayu tanggam dan kayu kumai menjadi produk bernilai tambah tinggi yang telah mencatatkan peningkatan nilai eksport sejak tahun 2021.

Jika ditinjau sumbangan sektor agrikomoditi ini kepada ekonomi sejak dua tahun lepas, sektor ini mencatatkan nilai eksport sebanyak RM117 bilion bagi tempoh Januari hingga September 2023 dan RM160.6 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2022. Terdapat penurunan yang ketara

sebanyak RM43.6 bilion. Hal ini disebabkan oleh tiga industri penyumbang utama kepada pendapatan eksport negara ini mencatatkan penurunan nilai.

Industri sawit negara hanya meraih pendapatan daripada hasil eksport sebanyak RM69.05 bilion (Jan-Sep) pada tahun 2023 berbanding dengan RM101.11 bilion (Jan-Sep) pada tahun 2022. Hal ini memperlihatkan penurunan sebanyak RM32.06 bilion. Pada tahun 2023, industri getah meraih RM26.99 bilion (Jan-Sep) daripada hasil eksport berbanding dengan RM37.55 bilion (Jan-Sep) pada tahun 2022 yang turut memperlihatkan penurunan sebanyak RM10.56 bilion. Pendapatan eksport industri kayu-kayan mencatatkan penurunan sebanyak 18.2 peratus dari tahun 2022 ke tahun 2023 bagi tempoh Januari hingga September. Pada tahun 2023, industri kayu-kayan meraih hasil sebanyak RM15.82 bilion pendapatan eksport berbanding RM19.35 bilion pada tahun 2022.

Cabaran Sektor Agrikomoditi

Cabaran yang perlu ditangani sektor agrikomoditi utama negara, iaitu penyusutan permintaan akibat ketidakpastian ekonomi global, kadar inflasi global yang tinggi, ketidakpastian harga komoditi dan ketegangan politik yang berlanjutan walaupun penurunan nilai ringgit yang sepatutnya memberikan kelebihan. Selain faktor luaran, cabaran sektor ini turut diburukkan dengan faktor dalaman, iaitu isu kekurangan tenaga pekerja yang memberikan kesan terhadap pengeluaran hasil komoditi.

Tahun 2023 adalah tahun keempat industri minyak sawit terus bergelut dengan isu kekurangan tenaga kerja, khususnya buruh asing bagi proses tuaian. Syarikat perladangan melaporkan bahawa mereka kekurangan hampir 42 000 tenaga kerja

bagi usaha penuaian dan aktiviti kutipan di lapangan dengan jumlah kekurangan tertinggi, iaitu kira-kira 55 peratus yang turut merugikan kerajaan dalam nilai berbilion ringgit.

Sementara itu, bagi industri getah, walaupun Malaysia mempunyai ladang getah termasuk pokok getah yang dalam keadaan baik, tetapi pengusaha dan pekebun tidak dapat mengeluarkan hasil kerana berhadapan dengan masalah kekurangan pekerja. Sebanyak 420 000 hektar ladang pekebun kecil getah di negara ini tidak diusahakan berikutan kekurangan pekerja dalam sektor terbabit. Jika dihitung, industri getah negara memerlukan kira-kira 70 000 hingga 80 000 pekerja bagi menampung kekurangan sumber tenaga buruh dalam sektor tersebut berdasarkan perkiraan satu setengah hektar ladang getah memerlukan sekurang-kurangnya seorang pekerja. Hakikatnya, hampir 585 000 metrik tan susu getah setahun boleh diperolehi dari keluasan tanah yang tidak diusahakan itu dengan nilai KDNK sebanyak RM2.3 bilion.

Walaupun tidak berhadapan dengan masalah kekurangan pekerja yang ketara, industri kayu-kayan turut berhadapan dengan cabaran pasaran jualan perlahan pada tahun lalu. Hal ini sekali gus mengakibatkan kemerosotan nilai eksport. Jadi boleh dikatakan hal tersebut bukan hanya berlaku dalam industri perkayuan negara, sebaliknya merupakan masalah global. Untuk rekod, sebanyak 60 peratus daripada jualan sektor perkayuan negara disumbangkan oleh pasaran domestik, manakala 40 peratus melibatkan eksport. Pada tahun 2023, Malaysia berada pada kedudukan ke-14 dunia bagi negara pengeluar perabot kayu.

Langkah Mengatasi Cabaran yang Timbul

Langkah proaktif perlu dilakukan sektor agrikomoditi



agar dapat terus berdaya tahan dan seiring dengan perkembangan global. Tidak dinafikan bahawa isu kebergantungan yang tinggi terhadap tenaga pekerja asing kurang mahir memberikan kesan terhadap produktiviti sektor agrikomoditi. Namun begitu, setakat ini kebergantungan tersebut menjadi satu-satunya jalan penyelesaian selagi pihak majikan tidak mengutamakan pengambilan pekerja tempatan di samping rakyat tempatan tidak bersikap terlalu memilih pekerjaan dengan mengelak untuk bekerja dalam sektor agrikomoditi.

Selain itu, yang perlu difokuskan bagi sektor ini adalah kaedah untuk meluaskan pasaran produk yang dihasilkan ke negara selain daripada negara yang biasa mengimportnya supaya dapat dikembangkan lagi pasarannya. Pemain industri sawit negara digesa untuk beralih secara strategik untuk meneroka pasaran lain yang berpotensi tinggi untuk eksport

minyak sawit. Langkah itu perlu dibuat memandangkan industri kelapa sawit Malaysia perlu menyesuaikan diri dengan peraturan global yang berubah-ubah dan yang terbaharu, iaitu Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR).

EUDR kini sudah diluluskan oleh Kesatuan Eropah membabitkan enam komoditi seperti soya, daging lembu, minyak sawit, koko, kayu dan kopi. Perundangan itu mewajibkan pengendali atau operator pengeluaran produk komoditi di bawah skop EUDR untuk membuktikan bahawa produk komoditi yang dihasilkan tidak dikaitkan dengan penebangan hutan melalui proses usaha wajar membabitkan pengesanan dan lokasi geografi.

Dalam usaha untuk maju ke hadapan, adalah perlu untuk industri sawit negara meneroka pasaran baharu dan yang sedang berkembang pesat. Industri sawit mesti mengembangkan jejaknya di wilayah seperti Afrika Timur dan

Barat, Asia Tengah dan Timur Tengah sambil mempergiat usaha untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit di negara pengimport sedia ada. Dengan mempelbagaikan pasaran, hal ini akan membantu mengurangkan risiko terlalu bergantung pada pasaran sedia ada dan meningkatkan daya tahan industri sawit Malaysia.

Begitu juga dengan hal itu tuju industri getah Malaysia pada ketika ini yang sedang menunjukkan skala penurunan. Industri getah Malaysia, pada suatu ketika pernah menjadi satu daripada komoditi terbesar negara. Namun begitu, sejak akhir tahun 2021, kedudukan Malaysia dalam senarai pengeluar getah asli dunia jatuh ke tangga ketujuh sehingga tahun lalu. Kini, Thailand, Indonesia dan Vietnam mendominasi kedudukan tiga teratas dengan pengeluaran minimum 1.2 juta tan metrik setahun, manakala Malaysia hanya menyumbang sebanyak 0.5 juta tan metrik setahun.

Bagi memastikan prestasi industri getah negara dapat

dipertingkatkan, fokus perlu dialihkan kepada perkara yang boleh dikawal dalam industri. Hal ini kerana fokus lebih terarah kepada ketidakstabilan harga pasaran getah. Isu terbesar dalam ketidakstabilan harga pasaran getah ialah hakikatnya bahawa penetapan harga pasaran ini bergantung pada pasaran getah dunia. Jadi, hal ini adalah perkara yang tidak boleh dikawal. Apatah lagi proses menstabilkan harga pasaran getah memerlukan usaha sama yang gigih antara Malaysia dengan negara pengeluar getah yang lain.

Penghasilan getah adalah antara perkara yang boleh dikawal dalam industri getah negara. Majoriti hasil getah daripada pekebun kecil adalah dalam bentuk getah sekerap, sedangkan susu getah atau getah asli lebih mahal. Hal ini disebabkan oleh kekerapan pengumpulan getah sekerap lebih sedikit berbanding dengan susu getah. Bagi pekebun kecil yang tidak mempunyai kudrat untuk menoreh getah dengan lebih kerap, getah sekerap menjadi satu-satunya hasil yang dipasarkan. Jadi, perkara ini perlu menjadi fokus utama untuk diatasi.

Begitu juga dengan produk sarung tangan getah. Malaysia dijangka akan berhadapan dengan kesukaran pada tahun mendatang apabila terpaksa bersaing dengan China. Hal ini kerana pengeluar sarung tangan getah dari China semakin agresif dalam pasaran, sekali gus memberikan persaingan kepada Malaysia yang pernah menjadi peneraju pengeluar produk itu ketika pandemik COVID-19. Industri sarung tangan getah Malaysia kini beroperasi dalam persekitaran eksport yang agak mencabar.

Pemain industri sarung tangan getah negara perlu beralih tumpuan dan memandang industri bukan perubatan sebagai pemacu permintaan masa hadapan

bagi produk mereka. Pengeluar sarung tangan getah patut menukar fokus mereka bukan hanya bekerjasama dengan industri bukan perubatan, tetapi juga menjadikan mereka pelanggan memandangkan COVID-19 telah mencetuskan kesedaran tentang kepentingan kebersihan melalui pemakaian sarung tangan getah. Semua harus menerima hakikat, senario ketika kemuncak pandemik COVID-19 yang mendorong pertumbuhan industri ini dengan pemain baharu dan keuntungan lumayan, tidak mungkin berulang kembali terutamanya apabila dunia telah beransur-ansur beralih ke fasa endemik COVID-19.

Bagi industri kayu-kayan, langkah untuk meneroka pasaran eksport baharu perlu dilakukan segera. Antara pasaran eksport baharu berpotensi ialah Asia Tengah

termasuklah China dan India, Asia Barat dan Australia serta New Zealand. Pada masa ini, industri berkenaan banyak mengeksport produk mereka ke negara Eropah, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Dengan penerokaan pasaran baharu ini, nilai eksport dari industri mampu ditingkatkan lagi terutamanya eksport perabot kayu, penyumbang utama kepada keseluruhan eksport industri perikanan negara. Nilai eksport perabot kayu mesti dipertingkatkan dan satu anjakan baharu adalah perlu dalam segmen pembuatannya. Hakikatnya, produk perabot kayu Malaysia mempunyai kualiti dan rekaan yang menepati kehendak serta cita rasa pengguna di Eropah. Sudah sampai masanya rekaan baharu produk perabot kayu dihasilkan untuk disesuaikan dengan kehendak dan cita rasa sasaran pasaran baharu yang ingin dimasuki.

Penurunan nilai eksport dalam kesemua subsektor utama agrikomoditi negara pada tahun lepas mengetengahkan cabaran yang bakal dihadapi pada tahun ini dan tahun berikutnya dalam mendepani persekitaran persaingan global yang semakin sengit dan mencabar. Cabaran ini, jika dibiarkan tanpa diatasi boleh menggugat kesinambungan dan kelestarian sektor agrikomoditi negara. Sektor agrikomoditi negara tidak boleh berdiam diri dan membiarkan hal tersebut berlalu begitu sahaja. Sektor agrikomoditi perlu kreatif untuk meneroka cara dan kaedah baharu dalam usaha menghadapi cabaran persekitaran global yang tidak menentu demi menjadikannya terus berkembang dan berdaya saing. Penggunaan teknologi, inovasi, automasi, kecekapan dan produktiviti serta hubungan diplomatik yang dipertingkatkan semestinya dapat memperkasakan sektor ini bukan sahaja dalam pengeluaran hasil, malah dalam perdagangan. 

Sektor agrikomoditi perlu kreatif untuk meneroka cara dan kaedah baharu dalam usaha menghadapi cabaran persekitaran global yang tidak menentu demi menjadikannya terus berkembang dan berdaya saing.